

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014 (Isnin)

SOALAN

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah dijalankan kajian terhadap keberkesanan perkhidmatan bas awam yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Syarikat Panorama Melaka Sdn. Bhd. yang mula beroperasi pada 8 Mac 2012; dan
- (b) adakah ianya mencapai piawaian perkhidmatan bas awam seperti garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat serta jumlah bilangan bas yang dikendalikan sekarang mencukupi untuk memberi perkhidmatan yang berkesan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Syarikat Panorama Melaka Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai PM Cultural & Tourism Sdn. Bhd.) adalah sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri Melaka, telah mengambil alih perkhidmatan bas henti-henti daripada sembilan (9) buah syarikat bas iaitu Town Bus Service, Malacca Omnibus Service, Bas Tai Lye, Patt Hup Transport, Bas Tuah, Batang Bus, Salira Transport & Tours, Roda Juara dan Bas Wira mulai 1 Februari 2012.

2. Pengambilalihan ini dibuat kerana syarikat-syarikat tersebut tidak dapat beroperasi lagi di atas sebab kerugian yang dialami dalam menjalankan perkhidmatan bas henti-henti. Selain itu, ia turut membolehkan perkhidmatan bas beroperasi di semua laluan di Melaka termasuk laluan yang tidak menguntungkan demi untuk memastikan rakyat mendapat perkhidmatan bas seperti biasa.

3. Sejak dari bulan Ogos 2012 sehingga Jun 2014, ia telah memberikan perkhidmatan kepada seramai lebih kurang 10.2 juta penumpang dengan purata lebih kurang seramai 443,000 penumpang sebulan. Proses pengambilalihan ini telah dapat memastikan perkhidmatan bas henti-henti diteruskan kepada rakyat negeri Melaka.

4. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat Panorama Melaka sewajarnya mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh S.P.A.D.

berhubung pematuhan kepada jadual perjalanan bas, kekerapan, bilangan bas serta laluan yang ditetapkan.

5. Orang awam boleh mengajukan aduan secara terus di talian Aduan SPAD 1-800-88-7723 sekiranya menghadapi masalah berkaitan dengan perkhidmatan bas di Melaka.

Sekian, terima kasih.